

Penggunaan kad kredit akan meningkat



SHAHIR ABDUL SAMAD

JOHOR BAHRU 29 Jun - Bilangan pengguna yang menggunakan perkhidmatan kad kredit di stesen minyak dijangka bertambah, justeru pihak bank tetap akan mendapat keuntungan walaupun kadar komisen kad tersebut dikurangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, apabila harga barangan dan bahan api meningkat, maka lebih ramai pengguna akan menggunakan kad kredit berbanding tunai.

"Pertambahan pengguna kad kredit bermakna bank akan menerima lebih banyak komisen, maka pihak bank tidak akan kehilangan wang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan ahli-ahli UMNO, di sini hari ini.

u.n 30/06/08 ms 9
Baru-baru ini, kerajaan beradang mengurangkan caj kad kredit yang perlu dibayar pengusaha stesen minyak kepada pihak bank iaitu sebanyak 0.5 peratus bagi setiap transaksi berbanding satu peratus buat masa ini.

Shahrir berkata, beliau masih lagi dalam perbincangan dengan pihak bank berkenaan kadar komisen itu dan akan mengadakan pertemuan semula dengan mereka pada minggu depan.

Menurutnya, kerjasama dalam mengurangkan kadar komisen amat diharapkan bagi menjaga kepentingan pihak bank dan pengusaha stesen minyak untuk jangka masa panjang.

Sementara itu, Shahrir menggesa agar ahli UMNO dan orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kenyataan

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyatakan kemungkinan untuk bertanding jawatan tertinggi dalam pemilihan UMNO pada hujung tahun ini.

"Kita tidak seharusnya menjadi parti yang bergerak mengikut spekulasi. Kadang-kadang, jika kita mentafsir secara salah, ia akan membawa kesan buruk kepada diri dan parti," katanya.

Dalam pada itu, Shahrir menafikan garis panduan kod etika yang ditetapkan bagi pemilihan UMNO tidak terlalu ketat seperti didakwa sesetengah pihak.

"Yang penting, jika siapa mendapat sokongan, dia akan menang. Parti juga akan memastikan mereka yang bertanding dapat menemui semua perwakilan," katanya.

Dalam perkembangan lain,

Shahrir juga menyokong diadakan debat antara Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Penerangan Datuk Ahmad Shabery Cheek mengenai harga minyak yang berkemungkinan di siarkan secara langsung pada 15 Julai ini.

"Debat adalah satu cara untuk menguji idea, namun ia perlu dikendalikan dengan baik kerana mungkin mengambil masa terlalu lama dan menyimpang daripada tujuan asal perdebatan," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan debat itu akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bermula pukul 9 malam dengan topik 'Hari Ini Membentuk Kerajaan, Esok Turun Harga Minyak'.